

30 JUN 2000

OIC-Niger/I

PANDANGAN MENTERI NIGER, GUINEA AKAN CARA UNTUK UMMAH MAJU

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Perpaduan dan semangat berkongsi merupakan dua elemen penting yang boleh membawa kemajuan kepada umat Islam, kata Menteri Luar Niger, Nassirou Sabo.

Malangnya, dunia Islam sama ada sangat kaya atau sangat miskin dalam ciri ini dan keadaan ini seharusnya tidak berlaku, kata beliau.

"Di mata Islam, ini tidak mungkin kerana kerana mereka mempunyai sumber manusia dan semulajadi. Kita mempunyai segala-galanya. Kita hanya perlu bersatu," kata beliau kepada BERNAMA di luar sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM), di sini. Persidangan empat hari itu berakhir di sini, hari ini.

Mengulangi seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan pembukaan pada Selasa, Sabo berkata bagi mencapai kejayaan dan memastikan tidak ketinggalan berbanding barat, negara-negara Islam perlu bergerak ke arah teknologi baru.

Bercakap dalam bahasa Perancis, Menteri itu berkata beliau kagum dengan pembangunan yang beliau lihat semasa berada di sini dan berharap negaranya juga turut mencontohi imej Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang maju dengan pesat.

Sementara itu Puan Mahawa Bangoura Camara, rakan sejawatan Sabo dari Guinea, berkata, beliau melihat adanya keazaman jelas pada negara-negara Islam yang menghadiri mesyuarat itu untuk mempraktikkan resolusi yang dipersetujui, khususnya yang berkaitan dengan ekonomi dan pembangunan.

Beliau berkata, bagaimanapun adalah agak sukar untuk menyelesaikan masalah-masalah yang bercorak politik dalam Pertubuhan Persidang Islam (OIC) dan adalah bijak bagi negara-negara Islam berusaha memajukan sendiri pembangunan dan hubungan perdagangan.

Mengenai hubungan dua hala antara Conakry dan Kuala Lumpur, ibu kepada tiga orang anak itu berkata, ia dalam arah yang betul dan berharap perkongsian antara dua negara itu akan dapat dipertingkatkan.

"Saya telah memberitahu Menteri Luar (Datuk Seri) Syed Hamid Albar yang kerajaan Guinea, khususnya Presiden Lansana Conte memandang berat hubungan dua hala antara kedua-dua pihak," kata beliau lagi.

Beliau berkata antara sektor yang Malaysia terbabit di negaranya ialah komunikasi dan pertanian.

Camara berkata, pembangunan di Malaysia merupakan contoh terbaik bagi negaranya.

"Ia adalah satu motivasi dan Guinea sedang memerhatikan apa yang berlaku di Malaysia untuk membolehkan kami bergerak dalam arah yang sama," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM PR